

## **SYARAT - SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di lain-lain tempat dalam pelawaan ini, syarat-syarat am berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu boleh ditolak secara tertentu atau diubah oleh penyebut harga.

### **1. Perakuan Mematuhi Penentuan**

Penyebut harga adalah dikehendaki memperakui bahawa perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau standard (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.

### **2. Pengiklanan**

Tiada iklan mengenai setuju terima terhadap mana-mana Sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain perantaraan iklan tanpa kelulusan terlebih dahulu dari Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri.

### **3. Tafsiran**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan penjual bersetuju patuh kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia dalam apa-apa jenis pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai Sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

### **4. Kod Bidang**

220801 - Kawalan Keselamatan (Bumiputera)

**SYARAT-SYARAT DAN SPESIFIKASI**  
**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI**  
**PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR, PANTAI ACHEH, BALIK PULAU.**

**PERKHIDMATAN KAWALAN YANG DIPERLUKAN**

**1. AM**

1.1 Perkhidmatan kawalan keselamatan meliputi tugas :-

1.1.1 Menjaga dan mengawal segala bentuk keselamatan terhadap bangunan, barang-barang luar dan dalam bangunan, lalu lintas dan segala harta benda yang terdapat dalam bangunan sama ada milik Kerajaan, kakitangan, dan pelawat pada setiap masa.

1.1.2 Menjalankan segala bentuk tugas kawalan keselamatan yang diarahkan oleh Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya dari semasa ke semasa.

1.2 Sistem ini dibahagikan kepada dua (2) jenis perkhidmatan seperti berikut :-

1.2.1 Kawalan pada waktu pejabat.

1.2.2 Kawalan selepas waktu pejabat dan cuti mingguan / hari kelepasan.

## 2. KAWALAN PADA WAKTU PEJABAT / SELEPAS WAKTU PEJABAT / HARI CUTI MINGGUAN & KELEPASAN

- 2.1 Membuka dan menutup pintu-pintu pagar dan pintu utama bangunan pejabat.
- 2.2 Kawalan keluar masuk ke kawasan dan bangunan, termasuk :-
  - 2.2.1 Memeriksa pelawat dan kakitangan sekiranya disyaki dengan munasabah bahawa orang itu telah atau akan melakukan kesalahan jenayah atau mengganggu atau menyusahkan orang ramai dan menyerahkannya dengan serta merta kepada pihak yang berkuasa.
- 2.3 Bertanggungjawab memberi tunjuk arah dan penerangan asas kepada orang ramai mengenai kedudukan lokasi ruangan dalam bangunan.
- 2.4 Bertanggungjawab memastikan bendera Malaysia, Negeri Pulau Pinang dan Pusat Falak Sheikh Tahir berada dalam keadaan baik di tempatnya.
- 2.5 Memeriksa dan memastikan semua lampu, kipas, dan alat pendingin hawa dalam bangunan ditutup (*switch off*).
- 2.6 Memasang lampu - lampu keselamatan termasuk lampu pagar, lampu koridor dan *spotlight* pada waktu malam.
- 2.7 Memeriksa dan mengunci pintu-pintu pagar keluar / masuk yang jarang digunakan.
- 2.8 Merekod butiran diri kontraktor dan pelawat yang masuk ke dalam kawasan / bangunan Pusat Falak Sheikh Tahir mengikut peraturan yang ditetapkan Kerajaan dari semasa ke semasa (contohnya : sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pemeriksaan suhu dan penggunaan aplikasi MySejahtera adalah **DIWAJIBKAN**.)

- 2.9 Memeriksa dan memastikan orang awam yang tidak berkenaan agar tidak berada di dalam kawasan / bangunan .
- 2.10 Membuat rondaan di sekitar kawasan berpagar dan sekitar bangunan.
- 2.11 Mengunci jam rondaan mengikut waktu yang telah ditetapkan.
- 2.12 Mengetik kad perakam waktu.

### 3. STRUKTUR PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN YANG DIPERLUKAN

Bilangan keanggotaan pengawal bagi perkhidmatan kawalan keselamatan yang diperlukan adalah **tiga (3) orang; seorang pada syif pagi dan dua orang pada syif malam** (orang yang berlainan).

	<b>Masa Bertugas</b>	
<b>SETIAP HARI</b>		
<b>TERMASUK HARI</b>	8.00 pagi	- 8.00 malam (12 jam)
<b>CUTI AM</b>	8.00 malam	- 8.00 pagi (12 jam)

### 4. TUGAS-TUGAS TERTENTU

#### 4.1 PONDOK PENGAWAL / KAUNTER PENGAWAL

- 4.1.1 Pondok Pengawal mesti dalam keadaan kemas, bersih, dan teratur pada setiap masa.
- 4.1.2 Buku Laporan, Buku Pelawat, dan lain-lain buku mesti ditulis dengan jelas, kemas, dan teratur pada setiap masa.
- 4.1.3 Lampu di Pondok Pengawal mesti dibuka sepanjang malam.
- 4.2.1 Pintu pagar utama hendaklah dibuka pada jam 7.00 pagi dan ditutup pada jam 7.00 malam pada setiap hari bekerja. Walau bagaimana pun kebenaran keluar / masuk boleh diberikan kepada kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang sahaja selepas jam 12.00 tengah malam.
- 4.2.2 Pintu masuk utama hendaklah ditutup pada hari cuti mingguan dan hari kelepasan am kecuali bagi pelawat dan orang-orang tertentu sahaja.

## **5. BUKU LAPORAN**

5.1 Buku Laporan berikut adalah perlu dilengkapkan setiap hari oleh pengawal-pengawal yang bertugas.

5.1.1 Buku Laporan Harian

5.1.2 Buku Pelawat

## **6. KEANGGOTAAN PENGAWAL**

6.1 Anggota yang terlatih.

6.2 Warganegara Malaysia

6.3 Umur antara 18 hingga 60 tahun.

6.4 Sihat tubuh badan serta mempunyai tahap penglihatan yang baik.

6.5 Tidak mempunyai rekod jenayah.

## **7. KELENGKAPAN**

7.1 Syarikat hendaklah menyediakan kelengkapan seperti berikut sepanjang tempoh kontrak.

7.1.1 Pakaian seragam lengkap dengan tanda nama, beret dan kasut hitam bertutup.

7.1.2 Kad Perakam waktu, buku laporan harian dan pelawat, cotar, wisel,

lampu picit, baju hujan, dan lain-lain yang berkaitan.

- 7.1.3 Lain-Lain kelengkapan yang difikirkan perlu mengikut kesesuaian tempat bertugas.

## **8. TANGGUNGJAWAB**

- 8.1 Pengawal bertanggungjawab kepada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya.
- 8.2 Pegawai Keselamatan Jabatan berhak menentukan pelaksanaan perkhidmatan tersebut.
- 8.3 Mengemaskini buku catatan mengenai pelbagai kejadian berkaitan dengan keselamatan serta mengemukakan kepada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya.
- 8.4 Menghubungi pihak yang berkenaan termasuk Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya, Polis, Bomba, dan Hospital pada masa kecemasan.
- 8.5 Memberikan bantuan awal terhadap keperluan kecemasan termasuk memadamkan kebakaran dan kecederaan.
- 8.6 Syarikat bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kemusnahan harta benda Kerajaan akibat kecuaiannya.

## 9. PERJANJIAN

- 9.1 Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang berhak menamatkan kontrak pada bila-bila masa terhadap perkhidmatan yang gagal mematuhi perjanjian tanpa apa-apa tuntutan ganti rugi.
- 9.2 Syarikat terikat dengan peruntukan-peruntukan **Akta Rahsia Rasmi 1972**.
- 9.3 Syarikat dikehendaki mengemukakan senarai anggota pengawal kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia untuk tujuan tapisan keselamatan.

## 10. DENDA

- 10.1 Sekiranya berlaku kekurangan anggota jika disebabkan oleh ketidakhadiran atau cuti sakit atau cuti rehat tahunan, Syarikat hendaklah mengambil tindakan serta merta menyediakan pengganti sementara, untuk mencukupkan bilangan seperti dinyatakan di para 3. Pengawal gantian itu hendaklah melaporkan diri kepada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya tidak lewat daripada 1 jam dari waktu dia mula bertugas bagi satu-satu syif. Kegagalan menyediakan pengganti akan menyebabkan potongan dibuat mengikut kadar bayaran kontrak untuk bilangan pengawal dan masa.

## 11. BAYARAN

- 11.1 Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang akan membuat bayaran secara bulanan kepada Syarikat setelah perkhidmatan kawalan keselamatan disempurnakan dengan memuaskan untuk bulan yang berkenaan.

## 12. LAIN-LAIN

- 12.1 Masa perkhidmatan setiap giliran anggota pengawal tidak melebihi 12 jam.
- 12.2 Memasang tiga unit jam rondaan di Pusat Falak Sheikh Tahir.

## SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA

1. Syarikat dikehendaki mengemukakan satu salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia bersama-sama dengan Borang Sebut harga.
2. "kadar sebut harga" hendaklah disebutkan secara jumlah keseluruhan bagi melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan untuk jangka masa satu bulan kalendar bagi bangunan yang berkenaan termasuk cukai perkhidmatan kerajaan.
3. Kontrak ini dijangka akan bermula pada 1 Januari 2021 atau pada tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima sebut harga kelak.
4. Menandatangani satu perjanjian dengan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang sebelum memulakan Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan tersebut dan bersetuju mematuhi segala syarat-syarat atau peraturan yang termaktub di dalamnya.
5. Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki membayar cagaran keselamatan (Security Deposit) 2.5 % daripada jumlah keseluruhan nilai kontrak kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang mengikut peraturan dalam kontrak ini. Wang Cagaran Keselamatan (*Security Deposit*) ini hendaklah dibayar dalam bentuk **CEK / BANK DRAF**.
6. Wang Cagaran Keselamatan (*Security Deposit*) ini hendaklah dikemukakan ke Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang sebelum perkhidmatan kawalan keselamatan ini bermula.
7. Cagaran ini akan dikembalikan kepada Syarikat dalam masa enam (6) bulan selepas kontrak ini tamat dan tertakluk kepada apa-apa potongan yang dibuat oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang mengikut peruntukan dalam kontrak ini berhubung dengan apa-apa kegagalan melaksanakan kontrak ini atau apa-apa pelanggaran syarat-syarat kontrak ini dilakukan oleh Syarikat dibawah kontrak ini.
8. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang berhak menamatkan kontrak bila-bila masa terhadap perkhidmatan yang gagal mematuhi perjanjian kontrak ini tanpa apa-apa tuntutan ganti rugi.

9. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang berhak membuat potongan terhadap bayaran bulanan apabila berlaku kekurangan pengawal tanpa pengawal gantian.
10. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau mana-mana sebutharga.
11. Mengambil Polisi Insuran Perlindungan Kemalangan yang diluluskan kepada semua pekerja-pekerja (*workmen's compensation*) bagi melepaskan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan dirinya daripada apa-apa tuntutan atau pun perbelanjaan yang ditimbulkan bersabit dengan apa-apa perkara atau kemalangan yang berlaku terhadap mana-mana pekerjanya.